

03/09/1999

Kawalan modal kekal (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia akan terus mengekalkan dasar kawalan modal yang diperkenalkan setahun lalu kerana ia tidak menimbulkan sebarang masalah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kawalan modal ini tidak memudaratkan sesiapa. Adalah terlalu awal untuk memikirkan mengenai (usaha) mengemas kini kawalan. Jadi mengapa terlalu bimbang mengenainya.

"Kenapa ada yang berkata mengapa tidak gugurkan kawalan ini. Ia tidak menimbulkan masalah kepada kita, ia tidak menimbulkan masalah kepada sesiapa pun," katanya menjawab soalan pemberita selepas berucap di Simposium Antarabangsa Mengenai Kawalan Modal dan Kerjasama Kewangan Asia, di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya sama ada Malaysia akan mengemaskinikan dasar kawalan modal yang diperkenalkan setahun lalu dan dikecam hebat oleh masyarakat pelabur antarabangsa serta media asing.

Semalam, hari pertama pelabur asing boleh menghantar pulang pelaburan mereka tanpa dikenakan cukai keluar, andaian media asing kononnya akan berlaku pengeluaran dana besar-besaran ternyata meleset.

Cuma AS\$328 juta (RM1.246 bilion) pelaburan portfolio asing dibawa keluar semalam dan hari ini pula AS\$78 juta (RM296.4 juta), berbanding ramalan sebelum ini kononnya angka itu boleh mencecah sehingga RM15 atau RM20 bilion.

Sebelum semalam, dana portfolio yang masuk ke negara ini pada 1 September 1998 atau sebelumnya, dikenakan cukai keluar 10 peratus jika dihantar pulang.

Dr Mahathir berkata, dasar kawalan modal itu serta beberapa langkah lain yang diambil Malaysia, berjaya memulihkan ekonomi negara.

Oleh itu, katanya, Malaysia akan tetap dengan pendirian untuk mengekalkan dasar kawalan dan pada masa yang sama, mengekalkan kadar tambatan RM3.80 bagi setiap dolar Amerika kerana ia mempermudah urusan perniagaan.

Beliau juga berkata, pemulihan di beberapa negara rantau ini sebenarnya bukan disebabkan mereka menurut nasihat Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) supaya menaikkan kadar faedah, melakukan lebihan belanjawan dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan.

Katanya, negara terbabit turut memutuskan untuk menurun kadar faedah, menyediakan lebih banyak wang dan tidak melakukan penstrukturan seperti diminta IMF.

"Syarikat korporat tidak dibubarkan dan ini semua menyebabkan mereka pulih, bukan kerana nasihat IMF. Malah ia bertentangan dengan nasihat IMF," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, apabila Long Term Capital Management (LTCM), dana lindung nilai berpangkalan di Amerika Syarikat bermasalah, bank lebih berhati-hati memberi pinjaman kepada dana lindung nilai.

Oleh itu katanya, dana lindung nilai tidak berupaya lagi untuk menekan mata wang seperti yang lazim dilakukan, menjadikannya satu lagi faktor pemulihan ekonomi di beberapa negara.

Terdahulu, ketika berdialog dengan peserta simposium itu, Dr Mahathir mengecam spekulator mata wang kerana tidak telus, selain tidak pernah membayar cukai kepada Thailand, Indonesia atau Malaysia yang terjejas oleh kegawatan mata wang.

"Urus niaga mata wang adalah 20 kali lebih besar daripada perdagangan

dunia tetapi bolehkah anda memberitahu saya berapa ramai yang mendapat faedah daripada perdagangan mata wang.

"Pedagang mata wang tidak pedulikan nasib rakyat tetapi cuma mahu untung. Orang yang kaya raya memiskinkan berjuta-juta rakyat," katanya.

(END)